

CRI-DBP

TERUS MELAKAR SEJARAH

SEJAK jenama “Kenali Beijing” menjadi terkenal di Malaysia lima tahun lepas, Siaran Bahasa Melayu Radio Antarabangsa China (CRI) sekali lagi mengharumkan nama negara Malaysia dengan memperkenalkan dua buah karya buku bertemakan budaya dan sejarah China kepada masyarakat setempat di Subang Jaya pada awal Disember 2019 lalu.

HASIL kerjasama erat dan sokongan padu daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia, CRI berjaya menghasilkan dan menerbitkan buku Kenali Xi'an dan Koleksi Cerita Klasik China yang diharapkan dapat membantu pembaca mengenali sejarah, budaya dan masyarakat China dengan lebih dekat lagi.

Ketua Pengarah DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran semasa merasmikan majlis pelancaran buku berkenaan dan Pameran Kenali China turut mengakui hubungan Malaysia dan China sudah lama menjalinkan kerjasama, begitu juga hubungan antara DBP dengan CRI seperti isi dengan kuku.

Ikatan antara kedua-dua belah pihak dimulakan dengan penghantaran Pegawai Perancang Bahasa DBP pada tahun 1993 ke negara Tembok Besar tersebut. Penghantaran pegawai ini bukan sekadar untuk membantu staf CRI meningkatkan penguasaan bahasa Melayu, malah lebih penting mengeratkan hubungan yang sedia ada.

CRI yang sudah bersiaran sejak 60 tahun lalu telah mengalami banyak perubahan, bukan sahaja dari segi pertambahan masa penyiaran, isi kandungan dan mutu rancangan, malah juga pendekatan kolaborasi antara dua negara. Pada 1 Mac 1959, siaran bahasa Melayu selama

setengah jam melibatkan tiga orang kakitangan yang mengendalikannya merupakan yang pertama kali dipancarkan menerusi gelombang pendek radio. Hingga kini siaran bahasa Melayu kekal sebagai satu daripada 44 bahasa utama di CRI. Siaran tersebut bertambah selama dua jam sehari dan dikendalikan oleh 19 orang staf termasuk dua orang staf dari Malaysia. Mulai 15 Disember 2016, dengan kolaborasi Radio BERNAMA, siaran bahasa Melayu berkenaan berkumandang ke udara selama dua jam sehari melalui radio FM di Malaysia.

Sebagai sebuah stesen radio, siaran bahasa Melayu CRI tidak terlepas daripada menerima saingan sengit menerusi perkembangan pesat Internet dan populariti media sosial. Walaupun menerima cabaran hebat daripada gelombang teknologi maklumat dan komunikasi serta menyebabkan kehilangan pendengar, warga siaran bahasa Melayu dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ini dan berusaha mencari pendekatan yang mudah diterima oleh orang ramai dalam usaha menyediakan produk yang lebih mesra pengguna, seperti dalam bentuk terbitan buku, majalah, malah program video.

Selain buku Kenali Beijing terbitan CRI-DBP dan program video berkenaan, buku baharu Kenali Xi'an dan program videonya serta buku

Koleksi Cerita Klasik China pasti akan memperluas lagi perspektif rakyat Malaysia terhadap negara Tembok Besar itu.

Kini, selepas 60 tahun berlalu, walaupun zaman sudah beralih, yang tidak pernah berubah hanya ikhtiar dan komitmen yang ditunjukkan oleh kakitangan Siaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan persefahaman dan ikatan persahabatan antara China dengan Malaysia.

Pada Mac 2018, CRI diperluas setelah digabungkan dengan stesen Televisyen Pusat China (CCTV) dan Radio Nasional China (CNR) sehingga menjadi Kumpulan Media China (CMG). Dengan adanya platform yang lebih luas dan sumber yang lebih besar, menjadi harapan warga kerja CRI bahawa kerjasama dan persahabatan yang erat sebegini baik dengan DBP dan Radio BERNAMA akan dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.

Dalam hal ini, Datuk Abang Sallehuddin berharap projek penerbitan buku antara DBP dengan CRI akan tetap diteruskan dalam bentuk penerbitan bercetak dan digital. Begitu juga, penempatan penulis Malaysia di China dan penulis China di Malaysia serta penyambungan semula program Kembara Laluan Sutera antara DBP, CRI dan BERNAMA dapat dilanjutkan dari semasa ke semasa. **PB**

Datuk Abang Sallehuddin menerima cenderahati daripada wakil CRI.

